

Berita Harian
Isnin, 25/04/2016
M/5 21 (Nasional)

Kualiti pendidikan UA berpotensi jadi terbaik dunia

Kuantan: Kualiti pendidikan tinggi di Malaysia berpotensi muncul antara terbaik di dunia dan menghasilkan pelajar yang dapat menjadi kebanggaan negara, kata Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Beliau berkata, laporan QS World University Ranking 2015/2016 menunjukkan universiti awam negara (UA), secara konsisten memperbaiki kedudukan setiap tahun seperti Universiti Malaya (UM) yang berada di tangga ke-146, Universiti Sains Malaysia (USM) di tangga 289 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di tangga 331.

"Dua subjek di UM juga berada dalam senarai 50 teratas atau Top 50, iaitu Pengajian Pembangunan di tangga ke-30 serta Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di tangga ke-37. Pengajian Kejuruteraan Kimia di USM pula di tangga ke-46," katanya.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan Majlis Anugerah To-



Idris (tiga dari kanan) menyampaikan anugerah kepada Muhammad Anas sambil disaksikan Kain Ching (dua dari kanan) dan Dr Daing Nasir (dua dari kiri) pada Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2015 di UMP Gambang, malam kelmarin.

[FOTO MUHAMMAD SHAFIQ MOHD ZAIN/BH]

koh Siswa 2015 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, malam kelmarin. Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Mary Yap Kain Ching; Ketua Setiausaha kementerian,

Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Pada majlis itu, penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (Uni-

SZA), Muhammad Anas Misbahudin, 24, dipilih penerima Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi. Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer itu dipilih hasil prog-

ram UniSZA Merentas Sempadan Aceh dan 1st Malaysian Students Global Policy Symposium 2015.

Jamin kualiti pendidikan

Sementara itu, Idris turut memberi jaminan, kementeriannya akan berusaha memastikan generasi muda mendapat akses kepada pengajian tinggi berkualiti menerusi pelbagai inisiatif.

Beliau berkata, inisiatif berkenaan seperti iCGPA, iaitu penilaian bukan berdasarkan pencapaian akademik semata-mata, namun turut berdasarkan penyertaan dalam aktiviti kokurikulum, kemasyarakatan dan kesukarelawan.

Selain itu, katanya, program 2u2i, iaitu Work Based Learning di mana mahasiswa belajar dua tahun di universiti dan dua tahun menimba pengalaman di industri serta program CEO@Fakulti yang memberi peluang pelajar menimba ilmu daripada kapten industri terkemuka dari dalam dan luar negara.